


Lecturer's Contribution

Memudahkan pembaca memahami penulisan PhD menerusi gambarajah

oleh Dr. Rofiza Aboo Bakar

Menyantuni dan bergaul dengan orang yang di luar bidang kita adalah amat menyenangkan kerana mereka berupaya membuka minda dan perspektif kita. Perkara yang selama ini kita tidak nampak cuba diperlihatkan kepada kita menerusi sudut-sudut yang berlainan. Sebagai contoh, saya teringat pengalaman menulis tesis PhD beberapa tahun dahulu. Ianya terasa amat sukar sekali. Tetapi dengan tunjuk ajar seorang sahabat, Dr Suria Haron dari Pengajian Kejuruteraan Awam, penulisan itu boleh dimudahkan. Paling tidak, penulisan itu mesti memudahkan dan menarik minat penulis itu sendiri sebelum beliau boleh menarik minat pembacanya yang lain.

Nasihat beliau ialah untuk meletakkan rumusan penulisan dalam bentuk gambarajah. Sebagai contoh, dapatan kepada satu soalan kajian saya telah dirumuskan seperti gambarajah di bawa



Tampak mudah bukan? Walaupun proses menulis dapatan itu adalah berbelit-belit dan sukar, ianya telah saya ringkaskan supaya saya sebagai penulis dapat mengerti malah menyenangkan pembaca memahaminya. Hasilnya, tesis saya mempunyai lebih daripada 20 gambarajah dan jadual.

Penyelia saya mulanya tidak menggemarinya kerana katanya ini bukan suatu yang norma dalam penulisan tesis bidang pendidikan dan sains sosial. Namun pemeriksa-pemeriksa dalaman dan luar berfikiran sebaliknya. Hasilnya, tesis itu diterima baik oleh mereka dan saya telah dianugerahkan Hadiah Pingat Emas untuk Doktor Falsafah Pendidikan 2014-2015 oleh USM.

Saya tidak banyak pengalaman lain. Saya juga tidak punya banyak artikel yang diterbitkan di jurnal-jurnal tersohor. Namun ini ialah nasihat yang saya kongsi dari hati dan pengalaman. Dan yang lebih istimewa, ianya terhasil daripada usaha saya berguru dengan rakan yang tidak kedekut ilmunya. Moga perkongsian beliau dianugerahkan sebaik-baik pahala oleh Al-Hadi iaitu Allah Yang Maha Pemberi Petunjuk.



*Hadiah Pingat Emas untuk Doktor Falsafah Pendidikan 2014-2015
oleh USM yang dianugerahkan kepada penulis*